

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 10

A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**.

Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang paling sesuai.

1. Pada cuti sekolah yang lalu, Yi En rajin membaca _____ rujukan di rumah.
a. bulu c. kuku
b. buka d. buku
2. Jia En menanam beberapa batang pokok _____ di halaman rumah.
a. betik c. kerbau
b. cangkul d. feri
3. Alya membela seekor arnab yang bernama _____.
a. Si Rangkak c. Sang Gagak
b. Sang Buaya d. Si Putih
4. _____ ialah guru yang bekerja di Tadika Alor Gajah.
a. Datuk Sow c. Doktor Chong
b. Cikgu Aina d. Profesor Ng
5. Xin Hui selalu makan tengah hari di _____.
a. Dataran Keris c. Restoran Sedap
b. Bank Islam d. Muzium Melaka
6. "Tolong letakkan buku latihan ini di ____" pesan Cikgu Sarizaa kepada Farid.
a. situ c. itu
b. ini d. satu
7. Kurnia dan Anugerah adalah kembar. _____ meraikan hari jadi pada hari yang sama.
a. Dia c. Kamu
b. Mereka d. Beliau
8. "Ampun, _____. Patik datang ke sini untuk membawa hajat penduduk." kata Pak Hassan kepada sultan.
a. tuanku c. patik
b. hamba d. anda
9. Ming Hong suka _____ ayam goreng yang enak.
a. tidur c. menari
b. nyanyi d. makan
10. Maya selalu _____ basikal di taman permainan.
a. menunggang c. menulis
b. memainkan d. menaip

11. Ibu Kai Yi berasa **bimbang** apabila anaknya jatuh sakit.

Pilih **perkataan sinonim** bagi bimbang.

- | | |
|------------|------------|
| a. gembira | c. risau |
| b. sedih | d. seronok |

12. Rumah Marcus menjadi **tempat pertama** Pertandingan Rumah Tercantik.

Pilih **perkataan antonim** bagi tempat pertama.

- | | |
|--------------------|-----------|
| a. tempat terakhir | c. perak |
| b. naib johan | d. gangsa |

13. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I. Wei Ming **memuang** sampah ke dalam tong sampah.
- II. Salahuddin **meyusun** buku yang terdapat di dalam perpustakaan.
- III. Hariz, Pukal dan Filbert **menyertai** pertandingan secara berkumpulan.
- IV. Keluarga Zhi Qi bergotong-royong **menghias** halaman rumah dengan pokok bunga matahari dan pokok bunga ros.

- | | |
|---------------|---------------|
| a. I dan II | c. III dan IV |
| b. II dan III | d. I dan IV |

14. Aina, Anugerah, Kurnia dan Maya bersahabat baik. Hubungan mereka sangat erat _____.

Pilih **peribahasa** yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

- | | |
|------------------------|----------------------------|
| a. susah hati | c. bagai isi dengan kuku |
| b. putih seperti kapas | d. bagai aur dengan tebing |

Soalan 15

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberi.

15. Apakah kebaikan menjaga kesihatan?

- a. Kita perlu mengamalkan pemakanan seimbang.
- b. Ya, menjaga kesihatan membawa banyak kebaikan.
- c. Bersukan dapat menjadikan badan kita cergas dan sihat
- d. Menjaga kesihatan dapat membantu kita untuk menghindari penyakit dan masalah kesihatan.

Soalan 16

Pilih ayat yang **salah**.

- 16.
- a. Kai Sheng berbadan tinggi dan kurus.
 - b. Dyalini mempunyai rambut yang rendah.
 - c. Yan Hor menggunakan gunting yang kecil.
 - d. Ke Qing membeli sebatang pembaris yang panjang.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU PATRIOTIK

Anjuran SJK(C) Alor Gajah

Sempena Bulan Patriotisme

Terbuka kepada semua murid SJK(C) Alor Gajah

Tarikh : 29 Ogos 2022

Masa : 8.00 pagi

Tempat : Dewan SJK(C) Alor Gajah

Tarikh tutup pendaftaran: 18 Ogos 2022

Hadiah

Pertama	:	RM300
Kedua	:	RM200
Ketiga	:	RM100

Untuk pendaftaran,

sila hubungi:

Cikgu Chia 012-3456789

Marilah bersama-sama memeriahkan Bulan Patriotisme.

17. Apakah tujuan poster ini?

- Pemilihan peserta pertandingan menari
- Jemputan menyertai pertandingan bercerita
- Peringatan tentang tarikh pertandingan syarahan
- Pemberitahuan tentang pertandingan nyanyian lagu patriotik

18. Siapakah yang sesuai menyertai pertandingan ini?

- Murid Tahun 1 hingga Tahun 5
- Semua murid SJK(C) Alor Gajah
- Semua murid Tahap 2 SJK(C) Alor Gajah
- Semua murid Tahap 1 SJK(C) Alor Gajah

19. Bilakah pertandingan nyanyian lagu patriotik diadakan?

- 9 Jun 2022
- 19 Julai 2022
- 29 Ogos 2022
- 16 September 2022

20. Murid yang berminat untuk menyertai pertandingan perlu membuat pendaftaran

- pada 29 Ogos 2022
- pada 19 Ogos 2022
- selepas 18 Ogos 2022
- sebelum 18 Ogos 2022

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

(a) Pilih perkataan yang paling sesuai bagi perkataan bergaris.

i.	Atikah dan Adriana _____ kelas pada waktu rehat.		membersihkan
ii.	Yuan Zen dan Yee Wen _____ majalah di sudut bacaan.		menyumbangkan
iii.	Husna dan Lidlya _____ buku di perpustakaan.		mengecap
iv.	Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) _____ bahan bacaan kepada perpustakaan.		menyusun

[3 markah]

(b) Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang sesuai.

naskhah	keping	bidang	bilah	rangkap
---------	--------	--------	-------	---------

1	Terdapat beberapa _____ surat khabar yang diletakkan di atas meja guru.
2	Di dalam sekolah ada beberapa _____ kain rentang tentang maklumat sekolah seperti sejarah sekolah dan lirik lagu sekolah.
3	Yun Xin memotong sayur dengan se_____ pisau yang tajam.
4	Xin Hui membahagikan lapan _____ biskut kepada adik-beradikinya.
5	Ping Liang telah melafazkan dua _____ pantun di atas pentas.

[5 markah]

Soalan 22

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan.

Ketika musim panas, kita mudah mendapat sakit tekak dan demam panas. Selain itu, kita juga mudah terkena batuk dan selesema.

Aktiviti luar seperti bersukan dan beriadah perlulah dikurangkan. Aktiviti tersebut seelok-eloknya diadakan di dalam dewan tertutup atau berbumbung. Oleh sebab itu, kita tidak mudah diserang strok haba.

Selain itu, kita juga perlu minum banyak air kosong. Air kosong akan dapat mengatasi masalah kehilangan air dalam badan.

Ketika berada di luar rumah pula, gunakan payung untuk mengelakkan pancaran haba terus ke badan. Pakailah pakaian yang nipis, berwarna terang dan longgar.

Kita mestilah mengikuti semua panduan tersebut agar kita kekal sihat ketika musim panas.

- (a) Ketika musim panas, kita mudah mendapat sakit tekak, _____, mudah terkena batuk dan _____.
[2 markah]
- (b) Kita perlu mengurangkan aktiviti luar seperti _____ dan seelok-eloknya menjalankan aktiviti di dalam _____.
[2 markah]
- (c) Ketika berada di luar rumah, kita perlu menggunakan payung dan memakai _____.
[2 markah]

Soalan 23

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan.

Program HiTS ialah Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah. Program ini merupakan salah satu cara untuk mempromosikan makanan yang sihat kepada murid.

Hidangan yang disediakan ialah hidangan yang berkhasiat. Hidangan ini memenuhi keperluan kalori dan nutrient murid semasa waktu makan di sekolah.

Pegawai Sains (Pemakanan) akan menyediakan senarai hidangan berkhasiat untuk sebulan. Dengan demikian, murid-murid dapat menikmati hidangan yang berbeza setiap hari.

(a) Apakah Program HiTS?

[1 markah]

(b) Mengapakah Program HiTS diadakan di sekolah?

[2 markah]

(c) Siapakah yang menentukan menu hidangan Program HiTS?

[2 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan.

Pada musim cuti sekolah yang lalu, Wen Ni dan Natalie mengikuti kelas bimbingan kraf tangan. Kelas ini terbuka kepada murid sekolah rendah dan terhad kepada 30 orang peserta sahaja. Tiada bayaran dikenakan semasa mengikuti kelas ini.

Kelas bimbingan kraf tangan ini dikendalikan oleh Puan Leow. Kelas ini diadakan di Pusat Komuniti Taman Alor Gajah. Kelas bermula pada pukul 9.00 pagi dan berakhir pada pukul 12.00 tengah hari.

- (a) Kelas bimbingan kraf tangan ini terbuka kepada berapa orang murid sekolah?

[1 markah]

- (b) Di manakah kelas bimbingan kraf tangan ini diadakan?

[1 markah]

- (c) Kelas bimbingan kraf tangan ini terbuka kepada siapa?

[1 markah]

- (d) Berapa lamakah kelas bimbingan kraf tangan ini berlangsung?

[2 markah]

Soalan 25

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan.

Selamat pagi murid-murid. Saya Doktor Koh. Saya akan menyampaikan ceramah tentang pentingnya memilih gerai makanan yang bersih.

Murid-murid sekalian,

Kita perlu berhati-hati jika mahu makan di gerai makanan. Pilihlah gerai makanan yang bersih. Hal ini **mustahak** agar kita tidak mengalami keracunan makanan.

Jangan pilih gerai makanan yang kotor, berhabuk dan berdebu. Makanan yang dijual di gerai seperti ini pastinya sudah tercemar. Habuk dan kekotoran yang berterbangan di udara mencemari makanan yang dijual.

Pastikan gerai makanan yang dipilih tiada haiwan perosak. Haiwan perosak seperti lalat, tikus dan lipas akan mencemarkan makanan. Haiwan-haiwan ini boleh menyebabkan pelbagai jenis penyakit. Oleh sebab itu, makanan yang dihidangkan hendaklah sentiasa bertutup.

Ingatlah, kebersihan asas kesihatan. Kita perlu mengambil berat tentang kebersihan makanan agar kesihatan kita terjaga. Sekian, terima kasih.

- (a) Perkataan *mustahak* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan _____.

[1 markah]

- (b) Jangan pilih _____ kerana makanan yang dijual di gerai itu pastinya sudah tercemar.

[2 markah]

- (c) Apakah haiwan perosak yang akan mencemarkan makanan?

_____.

[2 markah]

- (d) Mengapakah kita perlu mengambil berat tentang kebersihan makanan?

_____.

[1 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT